

CATATAN BULAN DISEMBER 2004

:: 20 Disember 2004 :: Isnin ::

Sibuk. Masa penuh dengan usaha-usaha menyiapkan beberapa kerja, antaranya penyelidikan-penyelidikan (yang perlu dibereskan sebelum akhir tahun ini), penulisan buku dan projek terpenting, iaitu membangunkan laman web fakulti versi 2.0. Itu kerja-kerja pejabat. Untuk kerja-kerja sendiri pula, sibuk menyiapkan portal pertama komuniti buku di Malaysia, iaitu bukuonline.

Untuk pelajar-pelajar saya, seperti yang dijanjikan, boleh menggunakan laman web ini sebagai tempat untuk mendapatkan nota-nota kuliah saya. Juga kepada pembaca lain, jemputlah bersama mendapatkannya (kiranya ilmu ini bersesuaian dengan anda).

Esok ke satu lagi seminar. Insya Allah, nanti berkelapangan akan bercatatan tentang seminar ini pula.